

Titah KDYMM Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-15 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

SEMPENA

**UPACARA SOVEREIGN'S PARADE
PENGAMBILAN KE-15 SEKOLAH PEGAWAI KADET,
AKADEMI PERTAHANAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

**PADA HARI KHAMIS
21HB. RABIULAKHIR, 1438
19HB. JANUARI, 2017**

BERTEMPAT

**PADANG KAWAD AKADEMI PERTAHANAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KAMPUNG TANAH JAMBU**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas segala limpah rahmat-Nya, sehingga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi menyaksikan Upacara *Sovereign's Parade* Pengambilan Ke-15, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Beta dengan amat sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada 29 orang Pegawai Kadet yang telah berjaya menamatkan latihan dengan mempamerkan pertunjukan perbarisan yang sangat baik. Syabas juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat, terutama para ibu bapa dan kaum keluarga di atas sokongan padu mereka kepada Pegawai-Pegawai berkenaan pada sepanjang latihan selama 52 minggu.

Pada pengambilan kali ini, Beta difahamkan, di antara mereka yang akan menerima tauliah adalah 2 orang Pegawai Kadet pemegang biasiswa, Pemerintah Tertinggi dan seorang pemegang biasiswa, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sejak sekolah Pegawai Kadet ditubuhkan pada tahun 2008, ia telah berjaya menghasilkan seramai 336 Pegawai Tentera yang berkaliber. Ini adalah amat membanggakan, dan sekarang, terdapat di antara mereka yang telah menjadi jurulatih di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, khususnya di Sekolah Pegawai Kadet sendiri.

Seterusnya, beberapa orang pegawai wanita lepasan Sekolah Pegawai Kadet, juga telah berjaya menerokai bidang kerjaya yang sebelum ini hanya terhad kepada pegawai lelaki sahaja, misalnya juruterbang tentera wanita, dan baru-baru ini, seorang nakhoda wanita untuk Kapal Diraja Brunei.

Manakala di arena antarabangsa pula, sebahagian mereka jua pernah atau masih mengikut misi *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL), Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Mindanao, Republik Filipina, dan sebagai Pegawai Perhubungan Antarabangsa di *Information Fusion Centre*, Republik Singapura.

Beta sangat berbangga dengan pencapaian-pencapaian ini.

Dalam melahirkan barisan pemimpin yang kompeten dan berwibawa, Beta menyeru supaya ditingkatkan lagi standard latihan, sambil menerapkan nilai-nilai kepimpinan mengikut ajaran Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Kerjasama latihan di antara Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan sekolah-sekolah pegawai kadet luar negara juga adalah berguna. Latihan dua hala di peringkat awal dengan angkatan-angkatan tentera negara sahabat, terutama di kalangan negara-negara ASEAN, adalah mampu untuk mengukuhkan lagi platform Diplomasi Pertahanan. Langkah seperti ini penting, dalam usaha, untuk mencapai keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa.

Demi kepentingan masa depan, Beta berharap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berjaya, bukan sahaja dalam bidang kerjaya biasa, malahan juga mempunyai kepakaran dan kebijaksanaan, dalam mengatur dan membentuk strategi yang diperlukan.

Inilah kewajipan utama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, selaku tonggak pertahanan negara.

Akhir kata, Beta ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, khususnya, Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah Sekolah Pegawai Kader, '*Colour Sergeants*' dan

Pegawai-Pegawai serta semua jurulatih yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga ke peringkat ini.

Maka, dengan merafa'kan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* dan berkah kalimah **Bismillahir Rahmanir Rahim**, Beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 29 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-15.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.